



YONG...anggap penarikan hanya sementara



NARIMAH...umpama diberi peluang baru

Kenyataan Uda, MRT Corp legakan peniaga

KUALA LUMPUR: Keme-riahan membeli-belah di Plaza Bukit Bintang (BB Plaza) semalam, kekal seperti biasa walaupun ramai peniaga masih terkejut dengan berita perobohan bangunan berkenaan untuk projek pembinaan stesen My Rapid Transit (MRT).

Biarpun ramai bimbang dan tidak berpuas hati dengan arahan pengosongan premis sebelum ini, namun perasaan itu reda apabila Uda Holdings Bhd (Uda) bersama MRT Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) menarik semula keputusan dibuat.

Pengusaha kedai kamera, Yong Kah Chin, 75, berkata, beliau gembira walaupun berasakan keputusan MRT Corp itu hanya bersifat sementara.

"Saya yakin penarikan arahan mengosongkan pre-

mis ini hanya sementara, namun tetap bersyukur kerana masih diberi peluang meneruskan perniagaannya seperti biasa.

"Buat masa ini saya mempunyai lebih sejuta produk belum terjual dan jika MRT Corp tetap meneruskan arahan pengosongan premis, pasti saya berdepan kerugian besar," katanya.

Bagi pembantu butik pakaian, Narimah Mat Nasir, 33, berita pembatalan kerja perobohan BB Plaza umpama memberi peluang baru untuknya dan rakan meneruskan pekerjaan di butik berkenaan.

"Saya seronok tidak perlu pening untuk berpindah ke lokasi lain, lagipun perniagaan di sini cukup bagus dan sayang sekiranya dirobohkan sekarang untuk pembinaan laluan MRT," katanya.